

<input checked="" type="checkbox"/> Berita Harian
<input type="checkbox"/> Berita Minggu
Tarikh: 25/1/2011
Hari: ISNIN M/S: 45
Ruangan: SUKAN

## Xiu Qing, Soon Jiin unggul pingpong IPT

**L**AU Xiu Qing dan Chew Soon Jiin masing-masing muncul juara perseorangan lelaki dan wanita edisi kedua Kejohanan Pingpong Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Ipoh, semalam.

Xiu Qing dari Universiti Malaya (UM) menumpaskan pilihan kedua, Goh Nai Ngee dari Kolej Universiti HELP, Damansara 11-8, 11-8, 11-9 untuk meraih RM700 selaku juara.

Soon Jiin (HELP) pula terpaksa berhempas pulas dalam pertarungan lima set sebelum mengecewakan Fan Xiao Jun (UM) dalam final.

Tumpas dalam dua set pertama 3-11, 10-12, pemenang pingat gangsa Sukan Komanwel New Delhi itu bangkit dalam tiga set terakhir untuk mengecewakan rakan sepasukannya di New Delhi tahun lalu, 11-6, 11-6, 11-7.

Sementara itu Universiti Malaya (UM) muncul juara kategori berpasukan selepas menumpaskan Kolej Tuanku Abdul Rahman (KTAR) 2-1 dalam perlawanan akhir.

HELP pula menduduki tempat ketiga selepas merakam kejayaan 3-0 ke atas Universiti Utara Malaysia (UUM) A.

Sebelum itu, UM mara ke perlawanan akhir selepas mengesahkan HELP 2-1 manakala KTAR turut merakam kejayaan dengan keputusan sama ke atas UUM A.

Oleh Azizan Hashim  
bhsukan@bharian.com.my